

16/06/2000

Pas hanya bersandarkan pada perkataan Islam

Noor Jaafar

PAS begitu bimbang kehilangan pengaruh dan sokongan pengikutnya apabila perkataan Islam dihapuskan daripada nama parti itu. Sebab itu pemimpin parti itu begitu kuat mempertahankan perkataan Islam daripada dihapuskan daripada nama pertubuhan politik itu.

Sepanjang tempoh empat hari Muktamar ke-46 parti itu baru-baru ini, pemimpin Pas mengambil peluang membangkitkan perkara itu untuk menyemarakkan semangat perwakilan. Yang berbeza, perwakilan tidak memberi perhatian serius mengenai perkara itu.

Hanya beberapa orang bercakap mengenainya. Sebaliknya, boleh dikatakan hampir semua pemimpin tertinggi parti itu menyentuh isu berkenaan. Mereka termasuk Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat; Presiden, Datuk Fadzil Noor; Timbalan Presiden, Abdul Hadi Awang dan Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar. Daripada inti ucapan, mereka meniup semangat supaya ahli Pas menentang habis-habisan cadangan menggugurkan perkataan Islam.

Sekarang pun, pemimpin Pas mula menjelajah ke setiap tempat untuk mencanang dan memutarbelitkan isu itu dengan membuat tuduhan bahawa Umno sedang berusaha menghapuskan Islam bagi mendapat simpati.

Bagi penyokong yang fanatik kepada Pas, mereka mempercayai semua perkara itu sedangkan isu menggugurkan 'perkataan' Islam daripada menghapuskan Islam (agama) adalah perkara yang berbeza sama sekali. Menggugurkan nama Islam daripada nama parti politik adalah semata-mata untuk mengelakkan nama Islam dicemari.

Nama Islam akan kelihatan 'hodoh' jika pemimpin parti berkenaan melakukan perbuatan yang tidak baik. Islam begitu suci kedudukan manakala apa saja boleh berlaku dalam politik organisasi. Disebabkan parti politik dipimpin oleh manusia yang serba kekurangan, adalah lebih baik nama itu tidak digunakan langsung dalam parti politik. Lihat sajalah di negara lain yang menggunakan nama Islam untuk parti mereka.

Apabila berlaku percakapan sesama pemimpin, nama Islam yang tercemar. Apabila tewas, Islam dianggap tewas. Keadaan ini tidak akan berlaku jika nama Islam tidak digunakan untuk apa juga tujuan politik. Tetapi disebabkan Pas berselindung di sebalik nama Islam, mereka memberi gambaran konon Umno mahu menghapuskan Islam, sedangkan Pas boleh terus wujud tetapi menggunakan nama lain yang lebih sesuai. Mereka hanya perlu gugurkan nama Islam pada parti itu.

Inilah antara contoh isu yang diputarbelitkan oleh Pas. Bukan itu saja, sudah banyak perkara lain yang diputarbelitkan oleh Pas, termasuk ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menutup persidangan Umno, baru-baru ini.

Pemimpin Pas menunjukkan ketidakbijaksanaan mereka apabila menyamakan perkataan Islam dalam Pas dengan Islam yang ada pada institusi lain, termasuk Bank Islam Malaysia Bhd (BIMB), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Pajak Gadaai Islam dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Mereka mengajak ahlinya berjihad bagi menentang sebarang usaha untuk menghapuskan perkataan Islam daripada parti itu.

Bagi mereka, kalau perkataan Islam hendak dihapuskan daripada Pas, kerajaan hendaklah turut menghapuskan perkataan Islam pada Bank Islam Malaysia Bhd, UIA, pajak gadaai Islam dan Abim.

Cadangan menggugurkan perkataan Islam daripada Pas dibangkitkan dalam perhimpunan agung Umno Mei lalu, kerana mendapati Pas memperalatkan Islam untuk kepentingan politik hingga menyebabkan umat Islam di negara ini

berpecah.

Abdul Hadi ketika berucap merasmikan muktamar Dewan Pemuda Pas di Dewan Tunku Abdul Rahman mendakwa perkataan Islam dalam Pas begitu berharga dan kalau ia hendak dihapuskan hendaklah dibayar dengan harga mahal.

Pas juga sanggup mengadakan demonstrasi untuk menghalang perkataan Islam dihapuskan daripada nama parti itu.

Menteri Besar Kelantan pula menganggap pengguguran perkataan Islam boleh membahayakan akidah. Beliau menggambarkan seolah-olah Islam tidak lengkap tanpa perkataan itu pada Pas.

Ini menunjukkan Nik Aziz menyamakan Islam dengan Pas.

Nik Aziz juga pernah dalam beberapa ceramahnya mengatakan Pas sanggup dibubarkan jika perlembagaan Umno berlandaskan al-Quran dan hadis.

Ramai berpendapat bahawa akidah dan perkataan Islam dalam Pas tidak ada kaitan langsung, asalkan rakyat meninggalkan yang dilarang dan mengamalkan suruhan dan perintah Allah seperti terkandung dalam ajaran Islam.

Kalau dulu lambang bulan bintang (yang menjadi lambang Islam) yang dihapuskan daripada parti itu tidak langsung menjejaskan akidah umat Islam, tidak ada sebab ia akan terjejas dengan pengguguran perkataan Islam daripada parti itu.

Sepanjang membuat liputan muktamar Pas ke-46, di Kuala Terengganu, perwakilan boleh dikatakan kurang memberi perhatian terhadap perkara itu, cuma pemimpin Pas yang membangkitkannya supaya mendapat sokongan perwakilan.

Mereka mempertahankan perkara itu kerana kekuatan Pas hanya bersandarkan kepada perkataan Islam bukan kerana kewibawaan sebenar pemimpin parti pembangkang itu.

Selama parti itu ditubuhkan, Pas hanya melaungkan supaya rakyat mengamalkan cara hidup Islam secara keseluruhan (sumur), berbanding Umno sudah melaksanakan sebahagian besar tuntutan Islam, termasuk menyediakan perumahan untuk rakyat, kesihatan, pendidikan dan meninggikan taraf hidup umat Islam dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat.

Fadzil juga menuduh kerajaan menghalang kesinambungan perjuangan Pas apabila bercadang untuk menggugurkan perkataan Islam.

Katanya, mereka akur apabila lambang bulan bintang dihapuskan kerana menganggap ia tidak membabitkan dasar dan hakikat agama Islam, tetapi jika menggugurkan perkataan Islam, Pas akan menganggap perkara itu perbuatan jenayah.

Yang pentingnya, Pas tidak seharusnya menyamakan cadangan untuk menggugurkan perkataan Islam pada parti itu sama dengan yang dilakukan pemimpin Turki, Kamal Atartuk dan Presiden Indonesia, Sukarno, hingga menyebabkan berlakunya kacau-bilau.

Pas mendakwa memperjuangkan Islam sedangkan tindak- tanduk pemimpin, ahli dan penyokong parti itu begitu keterlaluan hingga tergamak merosakkan bangunan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Kemas di Kampung Cacar, Paka, Terengganu.

Selain itu, pemimpin Pas mengajar ahli supaya bertindak kasar, termasuk sebelum ini membenarkan umat Islam mencarut. Tindakan seumpama itu tidak langsung menggambarkan perjuangan Islam, sebaliknya ke arah memecahbelahkan sesama Islam.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, soal pengguguran nama Islam pada parti politik masih pada peringkat perhatian dan arahan berhubung perkara itu belum dikeluarkan.

Katanya, kerajaan sedang memberi perhatian terhadap hujah dan pandangan yang diberikan semua pihak berhubung perkara itu.

(END)